

13/09/2003

RM11b biaya pembangunan Sabah, Sarawak

BAJET 2004 memperuntukkan lebih RM11 bilion kepada Sabah dan Sarawak untuk membiayai pelbagai program pembangunan di kedua-dua negeri itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata daripada jumlah itu, RM5.9 bilion diperuntukkan kepada Sabah manakala RM5.5 bilion lagi untuk Sarawak meliputi sektor pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan bekalan air.

Kedua-dua negeri itu akan mempunyai jalan raya yang lebih luas untuk menghubungkan bandar utama sebaik saja projek pembinaan jalan dan jambatan selesai.

Beliau berkata, kerajaan akan menaikkan taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching bagi memperbaiki lagi pengangkutan udara manakala lapangan terbang Tawau, Bintulu dan Miri baru disediakan dan boleh menampung pendaratan pesawat Airbus 330.

Katanya, Pelabuhan Bintulu dan Kuching pula sedang diperbesarkan manakala sebuah pelabuhan baru di Semalanjau akan dibina untuk menampung keperluan industri aluminium smelting, pelaburan daripada negara Timur Tengah yang juga akan menggunakan sebahagian besar tenaga elektrik dari projek Hidroelektrik Bakun.

Bagi sektor pendidikan, kedua-dua negeri itu mendapat peruntukan yang besar bagi melaksanakan projek seperti Fasa Dua Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan pembinaan kampus tetap Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Samarahan.

Kerajaan juga mengambil alih Pusat Perubatan Sabah daripada pihak swasta dan dinaikkan taraf untuk dijadikan sebuah hospital utama di Kota Kinabalu ke arah meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Mengenai bekalan air, Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah melaksanakan program bekalan air luar bandar terutama untuk sekolah dengan menggunakan sistem takungan air hujan dan perigi tiub.

Setakat ini, hampir 700 sekolah di Sabah dan Sarawak dikenal pasti untuk mendapat kemudahan ini dengan kos sebanyak RM242 juta.

Katanya, semua tindakan itu adalah sementara menunggu projek bekalan air utama dilaksanakan.